

Volume II
No. 14



Saturday
7th January, 1961

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ANNOUNCEMENT [Col. 847]

ADJOURNMENT TO A LATER DAY (Motion) [Col. 851]

BILL—

The Supply Bill, 1961 (Third Reading) [Col. 852]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Official Report

Vol. II

Second Session of the First Dewan Negara

No. 14

Saturday, 7th January, 1961
The Senate met at 10.30 o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- „ the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N. (Appointed).
- „ TUAN HAJI ABAS BIN HAJI MOHAMED (Trengganu).
- „ ENCHE' ABDUL HAMID BIN MAHMUD, J.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' AHMAD BIN SAID, A.M.N. (Perak).
- „ ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- „ ENCHE' CHAN KWONG HON, A.M.N., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR. CHEAH TOON LOK, J.M.N., J.P., Dato' Maha Kurnia (Appointed).
- „ ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).
- „ ENCHE' HASHIM BIN AWANG, J.P. (Penang).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).
- „ ENCHE' MOHD. SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
- „ ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., P.J.K. (Appointed).
- „ ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).
- „ ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
- „ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
- „ DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
- „ ENCHE' T. H. TAN, J.M.N. (Appointed).
- „ DATO' E. E. C. THURAISSINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
- „ ENCHE' S. O. K. UBaidULLA (Appointed).
- „ ENCHE' WAN AHMAD BIN WAN DAUD, P.J.K., J.P. (Perlis).

The Honourable DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K.,
Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ ENCHE' YAP KHEN VAN, A.M.N., J.P. (Pahang).

„ ENCHE' ABDULLAH BIN ISHAK (Perlis).

ABSENT:

The Honourable ENCHE' A. M. ABU BAKAR, J.M.N. (Nominated).

„ ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

„ ENCHE' CHOO KOK LEONG (Nominated).

„ ENCHE' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P. (Nominated).

„ ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).

„ ENCHE' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL (Kedah).

„ ENCHE' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Nominated).

„ TUAN HAJI NIK MOHD. ADEEB BIN HAJI NIK MOHAMED (Kelantan).

„ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

„ ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Deputy Prime Minister and Minister of Defence, TUN
ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).

„ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).

„ the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).

„ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

„ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE'
CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, sa-belum Majlis ini memulakan meshuarat pada pagi ini, saya suka mengeluarkan suatu Pemashhoran berkenaan dengan urusan yang di-hadapan Majlis ini sekarang dan saya suka menarek

perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada sa-tengah daripada sharat² dalam Peratoran Meshuarat kita yang telah di-chap baharu² ini.

Peratoran² Meshuarat kita boleh di-pakaikan kepada Rang Undang²

Perbekalan, kerana menurut perenggan (2) dalam Peratoran 53 ada di-sharatkan seperti di-bawah ini:

"Apabila Rang Undang² Tahunan atau Tambahan telah di-bachakan kali yang kedua, maka hendak-lah di-perintah di-bachakan kali yang ketiga sama ada dengan serta-merta atau pada apa² jua hari akan datang sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh sa-saorang Menteri".

Saya suka menambah kata ia-itu syarat ini di-asaskan daripada kelaziman yang biasa di-jalankan dalam Majlis House of Lords, Parliament United Kingdom. Atoran ini telah di-sebutkan oleh Erskine May ia-itu "Majlis House of Lords bersetuju sama sa-kali dengan sekatan yang terbit daripada hak² kebebasan berkenaan dengan kuasa Majlis House of Lords meminda (Rang Undang² Kewangan dan Kumpulan Wang Simpanan Negara). Maka sentiasa-lah Majlis House of Lords tidak bersidang dalam Jawatan-Kuasa bagi menimbangkan Rang Undang² itu". Pada fikiran saya boleh-lah di-katakan ia-itu kedudukan Dewan Negara ini pada sisi perlembagaan, ada-lah sama dengan Majlis House of Lords berkenaan dengan Kewangan; walau bagaimana pun, syarat dalam Peratoran Meshuarat kita terang² menyebutkan suatu kaedah yang di-pakai hanya sa-bagai kebiasaan sahaja oleh Majlis House of Lords di-United Kingdom.

Malang-nya, berkenaan dengan atoran kita pada menimbangkan Rang Undang² Perbekalan yang di-hadapan Majlis ini sekarang, syarat² Peratoran kita sendiri, dengan malang-nya, tidak di-ikut: bahkan Rang Undang² Perbekalan, sa-telah di-bachakan kali yang kedua, telah di-hantar kepada Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis dengan tidak di-perhatikan syarat² perenggan (2) dalam Peratoran 53. Menghantar kepada Jawatan-Kuasa itu nyata sa-kali menyalahi Peratoran Meshuarat dan dengan sebab itu saya, sunggoh pun saya tidak suka, tetapi terpaksa memutuskan ia-itu semua sa-kali urusan Meshuarat sa-banyak yang telah di-jalankan berkenaan dengan Rang Undang² Perbekalan semenjak di-bachakan kali yang kedua, ada-lah tidak sah. Sa-kira-nya ada sa-siapa Ahli Yang Berhormat tidak puas hati dengan keputusan saya ini, maka elok-lah saya menambah kata ia-itu kesilapan seperti

ini biasa juga berlaku dalam Majlis² Meshuarat di-negeri² lain yang lebih lama terdiri-nya daripada Majlis kita. Ada-lah Peratoran² Meshuarat kita baharu sahaja di-chap, dan dengan sebab itu boleh-lah di-jadikan alasan atau sebab-nya kita terlupa mengikut syarat² Peratoran Meshuarat kita.

Jadi kedudukan sekarang ia-lah, ia-itu perkara menghantar Rang Undang² Perbekalan ini kepada Jawatan-Kuasa ada-lah tidak sah dan urusan² dalam Jawatan-Kuasa berkenaan dengan Rang Undang² ini pun tidak sah juga. Dengan sebab itu Rang Undang² Perbekalan ini hendak-lah di-bawa balek ka-dalam kuasa perenggan (2) dalam Peratoran Meshuarat 53. Menurut syarat Peratoran 53, Rang Undang² ini hendak-lah di-perintah di-bachakan kali yang ketiga sama ada dengan serta-merta atau pada apa² juga hari-nya yang di-tetapkan oleh sa-saorang Menteri. Oleh kerana tidak ada di-tetapkan hari-nya, maka pada permulaan Urusan Meshuarat pada hari ini, mesti-lah Rang Undang² Perbekalan ini di-perintah di-bachakan kali yang ketiga dengan tidak boleh di-bahath lagi.

Honourable Members, before the House resumes this morning, I would like to make an announcement concerning business now before the House and to draw the attention of Honourable Senators to certain provisions of our Standing Orders, which have recently been printed.

These Standing Orders are particularly relevant to the Supply Bill, for under paragraph (2) of Standing Order 53 it is provided that:

"When an annual or supplementary Supply Bill has been read a second time it shall be ordered to be read the third time either forthwith or on such future day as a Minister may name".

This provision is, I would add, based upon practice in the House of Lords of the United Kingdom Parliament, of which Erskine May observes that "so completely do the Lords accept the restriction resulting from the Commons' privileges upon their power to amend (the annual Finance and Consolidated Fund Bills) that they regularly refrain from going into committee upon them". I think it is true to say that the constitutional position of this House is, in

relation to finance, similar to that of the House of Lords; but be that as it may, the wording of our own Standing Order expresses very clearly a principle adopted only as a matter of practice by the United Kingdom House.

Now unhappily, in relation to our procedure upon the Supply Bill before the Senate, the provisions of our own Standing Orders were, most regrettably, overlooked: and in fact the Supply Bill, having been read a second time, was committed to a committee of the whole Senate, regardless of the provisions of paragraph (2) of Standing Order 53. Such a committal was clearly out of order, and in consequence I am reluctantly compelled to rule that all that part of our proceedings relating to the Supply Bill since its second reading constitute a nullity. I might add, in case any Honourable Senator is perturbed by this ruling, that such lapses as this are not unknown in other, and much older, legislative bodies: and indeed in our own case the fact that only recently were our Standing Orders reduced to a printed form may constitute an extenuating circumstance in the case of this particular failure to observe their provisions.

The position is, therefore, that the committal of the Supply Bill to the Committee and the proceedings in the Committee thereon, were null and void, and the Supply Bill must now be brought back within the operation of paragraph (2) of Standing Order 53. Under that paragraph the Bill must be ordered to be read a third time either forthwith or on such future day as the Minister may name. Since no such day has been named it will therefore be necessary, on the commencement of the public business today, that the Supply Bill be ordered without any further debate thereon, to be read the third time.

ADJOURNMENT TO A LATER DAY

(Motion)

The Minister of Justice (Tun Leong Yew Koh): Mr. President, Sir, I beg to move,

That the Senate, at its rising today do stand adjourned to Monday, 13th February, 1961, at 10 o'clock a.m.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the Senate, at its rising today do stand adjourned to Monday, 13th February, 1961, at 10 o'clock a.m.

THE SUPPLY BILL, 1961

Third Reading

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move, in pursuance of section (2) of Standing Order 53, that the Bill be now read a third time and passed. Sir, section (2) of Standing Order 53 reads as follows:

"When an annual or supplementary Supply Bill has been read a second time it shall be ordered to be read the third time either forthwith or on such future day as a Minister may name".

Sir, we have had, during the last two days, discussion of the details on the financial provisions of the Supply Bill. We have erred in good company, because we find in the House of Lords that the financial provisions have been discussed and they are certainly told that it is out of order for them to do so.

This, Sir, is the right provision because it is pride and privilege of the House of Representatives to debate financial provisions being representatives of the people. It will be infringing on this right if we were to question any of the financial provisions provided in the Supply Bill.

Sir, I beg to move that the Bill be now read a third time and passed.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara ucapan penanggoan ini saya tidak-lah hendak berchakap panjang, chuma sabagaimana yang kita tahu perpatah Melayu mengatakan: "Sesat di-hujung jalan, balek ka-pangkal jalan". Kita telah kembali ka-pangkal jalan dan dengan sebab itu di-sahkan perjalanan persidangan Dewan ini pada pagi ini dalam sadikit masa sahaja. Apa yang

hendak saya memberi pandangan ia-lah berkenaan dengan Fasal 53 (2) ini yang mensyaratkan supaya di-dalam persidangan Dewan Negara ini Undang² yang mengenai perbekalan kewangan atau pun tambahan perbekalan kewangan hanya di-bolehan untuk di-bachakan kali yang kedua dengan serta merta, kemudian terus di-bacha pada kali yang ketiga dengan tidak dimasukkan kepada Jawatan-Kuasa.

Saya faham sa-bagaimana yang telah di-beri pandangan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri, perkara ini ia-lah juga di-jalankan di-Ibu Parlimen ia-itu di-Dewan Pertuanan atau House of Lord di-United Kingdom. Saya sedar bahawa asas atau chara perubahan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu ini pun ada-lah berdasarkan kepada chara² atau system House of Lord di-United Kingdom itu. Tetapi apa yang saya harapkan supaya dapat di-ambil pandangan oleh Jawatan-Kuasa Peratoran Majlis Meshuarat Dewan Negara ini ia-lah walau di-House of Lord itu tidak di-bolehan perbincangan di-adakan dengan Committee tetapi saya rasa, memandangkan kepada keadaan² tempatan maka Undang² ini apa-lah salah-nya di-ubahkan sedikit pada tahun hadapan ini. Walau pun saya sedar di-dalam waktu tingkatan yang kedua atas bacaan yang kedua atau second reading di-bolehan Ahli² memberikan pandangan dan soalan² serta meminta penjelasan atas dasar² di-dalam mana² perkara jua tetapi sa-bagaimana kita tahu, kadang² pandangan² itu panjang dan terpaksa di-masukkan kepada butir² yang dalam. Jadi, tentu-lah juga hendak memasukkan butir²-nya dan berchakap dalam perkara yang begitu, tidak-lah dapat sa-saorang itu melahirkan pandangan dengan sa-penoh-nya dalam tingkatan yang kedua-nya itu. Dengan sebab itu saya rasa, walau barangkali pehak yang berkuasa akan memberi jawapan ia-itu di-dalam Dewan Ra'ayat di-sana di-mana wakil² yang di-pilih oleh ra'ayat dengan sa-penoh-nya telah menapis dan mengemukakan fikiran², perkara² dari satu fasal ka-satu fasal. Tetapi sa-bagaimana yang kita tahu walau begitu

di-telitikan pun tentu-lah ada perkara² yang harus tidak nampak atau harus tertinggal di-sebabkan satu² perkara. Jadi, jika di-beri peluang kepada Dewan ini juga dapat mengubah pindaan peratoran Majlis Meshuarat ini di-bolehan sa-bagaimana yang di-jalankan dalam Dewan Ra'ayat itu maka dapat-lah perkara itu di-jalankan juga di-sini. Dan dengan sebab itu saya rasa, sunggoh² memberi hasil yang sa-penoh²-nya kepada tujuan mewujudkan Dewan Negara ini, ia-itu sa-buah Dewan yang bertujuan menapis dan juga menchari jalan menapis lagi persidangan² yang di-jalankan oleh Dewan Ra'ayat. Bukan-lah saya mengatakan Dewan Ra'ayat itu tidak cukup memberi pandangan tetapi saperti yang saya katakan tadi, tiap² manusia itu tidak-lah tertinggal daripada salah atau terlupa. Dengan sebab itu-lah saya rasa bagus sangat-lah pehak Jawatan-Kuasa yang tertentu bagi Peratoran Meshuarat ini memikirkan pindaan untuk membolehkan kita juga mempunyai sharat² yang membolehkan perbahathan di-dalam Committee bagi Undang² yang mengenai perbelanjaan kumpulan kewangan.

Raja Rastam Shahrome bin Raja Said Tauphy: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit di-sini kerana saya juga sa-orang Ahli Jawatan-Kuasa ini terasa sedikit apa yang telah di-sentoh oleh Yang Berhormat Engku Muhsein itu. Sunggoh pun begitu, saya bersetuju sangat di-atas pandangan-nya itu. Saya perchaya barangkali ada juga yang tertinggal saperti mana Yang Berhormat telah katakan itu. Saya perchaya ada Ahli² Yang Berhormat di-sini hendak mengeluarkan sedikit sa-banyak pandangan atas butir² Supply ini. Jadi, saya memberi sokongan di-atas chadangan Yang Berhormat Engku Muhsein itu.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a third time and passed.

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga 13 haribulan February, 1961.

Adjourned at 10.50 a.m.